

**MENENGAH 3 EXP/NA**  
**LATIHAN TOPIKAL 6**  
**KEFAHAMAN OBJEKTIF**

| Kefahaman Objektif | Markah Penuh | Markah Yang diperolehi | Tarikh |
|--------------------|--------------|------------------------|--------|
| Latihan 1          | 10           |                        |        |
| Latihan 2          | 10           |                        |        |
| Latihan 3          | 10           |                        |        |
| Latihan 4          | 10           |                        |        |
| Latihan 5          | 10           |                        |        |

## LATIHAN 1

**Arahan:** Baca petikan yang berikut dengan teliti.

## Apo Kono Ejah?

[www.dEJAvu.com](http://www.dEJAvu.com)

Tidak kira lelaki atau wanita, mahkota yang cantik dan bersinar pasti merupakan dambaan bagi semua. Begitu juga dengan mewarnakan rambut, mereka yang prihatin akan penampilan diri pasti akan menjadikannya satu rutin untuk mewarnakan rambut.

Terdapat dua golongan yang lebih **cenderung** untuk mewarnakan rambut. Pertama, mereka yang ingin tampil bergaya dengan sentiasa mengikuti trend terkini sementara golongan yang satu lagi ialah mereka yang ingin menutupi rambut yang sudah beruban.

Selain mengubah gaya rambut, mewarnakan rambut berupaya mengubah keterampilan seseorang, menjadikan mereka tampil lebih menarik. Ia juga mampu meningkatkan keyakinan diri seseorang.

Jika ingin mewarnakan rambut, sebaik-baiknya anda mengunjungi seorang pakar pendandan rambut di salun pilihan. Ia akan mengurangkan rasa kecewa dengan mengelakkan kerosakan atau hasil yang tidak memuaskan jika anda mewarnakan rambut anda sendiri di rumah.

Jangan cuba memperbaiki sendiri rambut yang sudah diwarnakan sendiri kerana anda mungkin akan memburukkan lagi keadaan. Yang penting, pastikan sebelum mewarnakan rambut, anda telah membuat pilihan warna yang tepat agar tidak menyesal kemudian!

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Rambut yang cantik dan bersinar ialah sesuatu yang dimahukan oleh \_\_\_\_\_.  
 (A) kaum lelaki sahaja  
 (B) kaum wanita sahaja  
 (C) kaum lelaki dan wanita  
 (D) mereka yang beruban sahaja ( )
  
2. Mewarnakan rambut dapat membawa kesemua manfaat yang berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.  
 (A) mengubah gaya rambut seseorang nak  
 (B) menjadikan penampilan lebih menarik  
 (C) meningkatkan keyakinan diri seseorang  
 (D) menghentikan proses beruban di kepala ( )
  
3. Kita disyorkan agar mendapatkan khidmat daripada seorang pakar pendandan rambut supaya \_\_\_\_\_.  
 (A) rambut kita tidak akan pernah rosak  
 (B) kita akan mendapat hasil yang memuaskan  
 (C) kita berpeluang mengunjungi salun yang terkenal  
 (D) kita tidak perlu cuba mewarnakan rambut di rumah ( )
  
4. Untuk mengelakkan rasa kesal, kita patut \_\_\_\_\_.  
 (A) mewarnakan rambut di rumah  
 (B) cuba menghilangkan uban di kepala  
 (C) cuba memperbaiki rambut yang rosak  
 (D) memilih warna yang tepat untuk rambut ( )
  
5. Perkataan 'cenderung' dalam petikan membawa maksud \_\_\_\_\_.  
 (A) pasti  
 (B) ingin  
 (C) perlu  
 (D) minat ( )

## LATIHAN 2

**Arahan:** Baca petikan yang berikut dengan teliti.

## BERITA

### DALAM NEGERI

Mac 2019 20:59

80% gerai di Bazar Raya Geylang Serai mesti menjual barangan yang berkaitan langsung dengan Ramadan dan Hari Raya. Peraturan baharu itu dikuatkuasakan dalam usaha mengembalikan 'keaslian' bazar tersebut.

Menurut Menteri Ehsan Masyarakat Melayu/Islam, pihaknya mengambil tindakan itu selepas mendengar banyak keluhan disuarakan oleh para penduduk. Ini termasuk harga sewa yang tinggi, elemen-elemen nostalgia yang semakin luput dan suasana bazar yang menjadi terlalu 'hipster'. Selain itu, pihak penganjur bazar Geylang memberi jaminan bahawa semua gerai di bazar Geylang akan menjual makanan halal.

### DUNIA

01/02/2019 12:18 Kemas Kini: 01/02/2019 13:59

Tiga daripada lima spesies kopi asli berisiko pupus disebabkan perubahan iklim, penularan penyakit dan pembasmian hutan.

Lebih dua bilion cawan kopi diminum setiap hari. Sungguhpun demikian, industri tersebut hanya bergantung pada biji-biji kopi asli yang dihasilkan di rantau-rantau tertentu.

Para pengkaji **menggesa** pemerintah-pemerintah untuk melindungi hutan-hutan untuk memastikan biji-biji kopi yang asli dapat terus tumbuh.

### KESIHATAN

1/9/2018 16:43

Orang dewasa yang mempunyai berat badan yang sihat juga berisiko menghadapi serangan jantung atau angin ahmar, sama dengan golongan yang mempunyai berat badan berlebihan.

Menurut satu kajian baru-baru ini, golongan yang berberat badan biasa tetapi banyak meluangkan masa dalam keadaan duduk berisiko tinggi terkena serangan jantung yang serius. Risiko itu bagaimanapun 58% lebih kurang jika golongan tersebut melakukan senaman ringan selama 150 minit seminggu.

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Demi membawa semula suasana asli bazar Geylang, \_\_\_\_\_.  
 (A) kesemua gerai di bazar Geylang harus menjual makanan yang halal  
 (B) kebanyakan gerai di bazar Geylang harus menjual makanan yang halal  
 (C) kesemua gerai harus menjual barangan yang berkaitan dengan Ramadan dan Hari Raya  
 (D) kebanyakan gerai harus menjual barangan yang berkaitan dengan Ramadan dan Hari Raya ( )
  
2. Berikut adalah antara aduan mengenai bazar yang diterima oleh pemerintah **kecuali** \_\_\_\_\_.  
 (A) harga sewa terlalu tinggi  
 (B) suasana bazar terlalu 'hipster'  
 (C) elemen tradisional semakin kuat  
 (D) tidak semua makanan di bazar dijamin halal ( )
  
3. Untuk menyelamatkan spesies-spesies kopi asli daripada kepupusan, kita patut \_\_\_\_\_.  
 (A) membasmi hutan  
 (B) menularkan penyakit  
 (C) meminum lebih banyak kopi  
 (D) mengurangkan perubahan iklim ( )
  
4. Seseorang yang mempunyai berat badan yang normal berisiko tinggi untuk terkena serangan jantung jika dia \_\_\_\_\_.  
 (A) tidak cukup rehat  
 (B) duduk terlalu lama  
 (C) bersenam setiap hari  
 (D) bersenam selama 150 minit seminggu ( )
  
5. Perkataan 'menggesa' dalam petikan membawa maksud \_\_\_\_\_.  
 (A) merayu  
 (B) memujuk  
 (C) memaksa  
 (D) mendesak ( )

## LATIHAN 3

**Arahan:** Baca petikan yang berikut dengan teliti.



Tahukah anda, duit ialah objek paling kotor yang ada pada diri kita?

Satu kajian pada tahun 2012 menemui dua bakteria pada wang kertas dan syiling. Bakteria *S.aureus* dan *B.cereus* diketahui boleh menyebabkan keracunan makanan.

Oleh itu, anda boleh bayangkan betapa mudahnya bakteria tersebut **merebak** hanya sekadar dengan pertukaran duit. Apatah lagi, kuman dan bakteria boleh memasuki tubuh kita apabila tangan yang dicemari oleh wang berkenaan menyentuh mata, hidung dan mulut.

Cara paling mudah dan murah untuk mencegah diri kita daripada dijangkiti adalah dengan mengamalkan tabiat mencuci tangan. Pada Oktober 2008, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memulakan inisiatif Hari Mencuci Tangan Global. Pada mulanya, ia disasarkan untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah namun lama-kelamaan, inisiatif itu diluaskan kepada semua tahap usia.

Hakikatnya, ramai orang yang tidak begitu arif tentang cara yang betul untuk mencuci tangan. Lantas, mereka leka akan pentingnya amalan kebersihan.

Penggunaan sabun mandi biasa sudah mencukupi kerana ia memberi kesan yang sama dengan sabun antibakteria. Gosok kedua-dua belah tangan selama sekurang-kurangnya 15 saat, bilas dengan air bersih dan akhir sekali, lap sehingga kering.

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Bakteria *S.aureus* dan *B.cereus* bahaya kerana kedua-dua \_\_\_\_\_.  
 (A) objek yang paling kotor  
 (B) boleh mengotorkan syiling  
 (C) boleh hinggap di wang kertas  
 (D) mungkin menyebabkan keracunan makanan ( )
  
2. Kita dapat mengurangkan jangkitan dalam tubuh dengan senang dengan cara \_\_\_\_\_.  
 (A) mencuci wang sebelum makan  
 (B) mengamalkan tabiat mencuci tangan  
 (C) tidak menerima wang daripada orang  
 (D) tidak menyentuh mata, hidung dan mulut ( )
  
3. Inisiatif Hari Mencuci Tangan Global disasarkan untuk \_\_\_\_\_.  
 (A) kanak-kanak sahaja  
 (B) pelajar sekolah sahaja  
 (C) orang daripada semua tahap usia  
 (D) kanak-kanak dan pelajar sekolah sahaja ( )
  
4. Apabila kita membasuh tangan, kita patut \_\_\_\_\_.  
 (A) menggunakan sabun biasa sahaja  
 (B) menggunakan sabun antibakteria sahaja  
 (C) membilas tangan dengan air sabun antibakteria  
 (D) menggosok tangan sekurang-kurangnya 15 saat ( )
  
5. Perkataan 'merebak' dalam petikan membawa maksud \_\_\_\_\_.  
 (A) tersiar  
 (B) meluas  
 (C) menular  
 (D) tersebar ( )

## LATIHAN 4

**Arahan:** Baca petikan yang berikut dengan teliti.

Unta mula ditenak untuk susunya seawal 3,000 BC, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Susu unta merupakan minuman harian di sebahagian negara Timur Tengah dan Amerika Utara. Harganya juga jauh lebih murah di negara-negara tersebut berbanding di Asia.

Susu unta kini semakin popular dalam kalangan para penternak dan pelanggan di merata dunia. Tidak kira di negara maju seperti Amerika mahupun negara dunia ketiga seperti negara padang pasir Afrika, pasti ada orang yang mencari susu mamalia itu.

Ini kerana susu unta mengandungi kadar laktosa yang rendah, membolehkannya untuk **dihadam** oleh orang yang tidak toleran laktosa.

Menurut mereka yang meminati susu unta, minuman itu bermanfaat dari segi perubatan dan sangat berasa. Lantaran itu, susu unta mudah didapati di pasar raya-pasar raya United Kingdom manakala ladang unta di Belanda juga menghantar bekalan susu itu ke Britain setiap hari.

Malah, banyak kedai makanan popular juga sudah menawarkan aiskrim susu unta dalam menu mereka.



**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Harga susu unta lebih murah di Timur Tengah dan Amerika Utara kerana \_\_\_\_\_.  
 (A) susu unta ialah minuman harian di Asia  
 (B) susu unta ialah minuman harian di sana  
 (C) pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentukan harganya  
 (D) susu unta sudah didapatkan sejak beribu-ribu tahun yang lalu ( )
  
2. Faedah mempunyai kadar laktosa yang rendah ialah \_\_\_\_\_.  
 (A) ia boleh mengurangkan harga susu unta  
 (B) susu unta menjadi semakin popular di merata dunia  
 (C) susu unta selalu dicari oleh orang-orang di seluruh dunia  
 (D) ia boleh dihadam dengan mudah oleh orang yang tidak toleran laktosa ( )
  
3. Para peminat susu unta menyukai susu unta kerana \_\_\_\_\_.  
 (A) ia baik dari segi perubatan  
 (B) ia mudah didapati di pasar raya  
 (C) ia dieksport ke Britain setiap hari  
 (D) ia tidak mempunyai rasa yang terlalu kuat ( )
  
4. Populariti susu unta di merata dunia dapat dibuktikan kerana \_\_\_\_\_.  
 (A) ia lebih mahal di negara-negara tertentu  
 (B) ia dijadikan aiskrim di kedai makanan popular  
 (C) ia dicari di negara maju dan negara kurang maju  
 (D) ia diminum oleh mereka yang alah terhadap makanan berlaktosa ( )
  
5. Perkataan 'dihadam' membawa maksud \_\_\_\_\_.  
 (A) ditelan  
 (B) dicerna  
 (C) diterima  
 (D) diminum ( )

## LATIHAN 5

**Arahan:** Baca petikan yang berikut dengan teliti.

Mulai April 2020, syarikat-syarikat di bawah kesatuan dan rakan-rakan Institut Pekerjaan dan Daya Kerja (ezi) boleh memohon untuk Geran Pembangunan Perusahaan dan menerima dana sokongan tambahan sebanyak 10 peratus daripada Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan NTUC.

Untuk melayakkan diri bagi dana tersebut, perusahaan mereka perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa latihan syarikat dan memastikan mereka boleh mencapai hasil-hasil yang positif bagi pekerjaanya. Antaranya dengan meningkatkan gaji para pekerja bergaji rendah atau meningkatkan kemahiran mereka.

Dengan kenaikan tersebut, syarikat-syarikat yang layak akan menerima dana sebanyak 80 peratus di bawah Geran Pembangunan Perusahaan. Ini sekaligus membolehkan perusahaan-perusahaan tempatan mendalami keupayaan mereka, meluaskan perniagaan dan melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa.

Geran sebelum itu hanya menawarkan dana sehingga 70 peratus bagi kos projek yang diliputinya, seperti yuran runding, perisian dan kelengkapan serta kos tenaga kerja dalaman.

NTUC akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa latihan, yang bertujuan merancang dan melaksanakan program-program bagi membantu para pekerja tidak ketinggalan dengan rentak perubahan teknologi.

Gerakan buruh itu berharap jawatankuasa-jawatankuasa tersebut bagi seribu syarikat akan meningkat dalam tempoh tiga tahun akan datang dan membawa manfaat kepada sekitar 330,000 pekerja.

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

1. Manfaat yang diraih oleh syarikat-syarikat di bawah e21 ialah mereka boleh \_\_\_\_\_.  
 (A) menerima dana asas daripada NTUC  
 (B) menerima dana penuh daripada NTUC  
 (C) mendapat Geran Pembangunan Perusahaan  
 (D) mendapat bimbingan untuk membangunkan perusahaan ( )
  
2. Untuk mendapat dana sokongan tambahan daripada NTUC, sesuatu perusahaan harus melakukan yang berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.  
 (A) meningkatkan kemahiran para pekerja  
 (B) menubuhkan jawatankuasa latihan syarikat  
 (C) mengekalkan gaji para pekerja bergaji rendah  
 (D) memastikan para pekerja mencapai hasil yang positif ( )
  
3. Dana yang diperuntukkan boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.  
 (A) membayar yuran runding  
 (B) membayar gaji para pekerja  
 (C) membeli perisian dan kelengkapan  
 (D) membayar kos tenaga kerja dalaman ( )
  
4. Matlamat gerakan buruh itu adalah supaya \_\_\_\_\_.  
 (A) seribu syarikat akan berjaya dibantu  
 (B) jumlah jawatankuasa dapat dikekalkan  
 (C) sekurang-kurangnya 300,000 pekerja meraih faedah  
 (D) ia dapat bertahan selama tiga tahun yang akan datang ( )
  
5. Perkataan 'perisian' dalam petikan bermaksud \_\_\_\_\_.  
 (A) sofwe  
 (B) perkakas  
 (C) alat teknologi  
 (D) alat elektronik ( )